

20 SEP 1997

MAHATHIR BERLEPAS KE HONG KONG UNTUK MESYUARAT BANK DUNIA/IMF

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas ke Hong Kong pagi ini untuk berucap pada satu seminar Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Perdana Menteri akan berucap hari ini mengenai peluang-peluang yang wujud di Asia.

Yang turut hadir di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah untuk mengucapkan selamat jalan kepada Dr Mahathir ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang akan mewakili Malaysia ke mesyuarat Bank Dunia/IMF, dijadual tiba di Hong Kong esok.

Mesyuarat itu berlangsung ketika NILAI mata wang negara-negara Asia Tenggara merosot.

Dr Mahathir dijadual pulang esok.--BERNAMA

ES MAI